



JASA KEPADA RAKYAT

# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI 2017 *SENIBINA***

<b>KOD</b>	<b>:</b>	<b>PJS01</b>
<b>SUBJEK</b>	<b>:</b>	<b>TULISAN SPESIFIKASI</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>20 MAC 2017</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>9.00 PG - 12.00 TGH</b>

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PJS01 – TULISAN SPESIFIKASI**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

a) Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor di dalam mematuhi perkara berikut berdasarkan Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan JKR 2014:

- i) Bahan dan Produk Mapan (*Sustainable Material and Products*)
- ii) Laluan dan Jalan Sementara (*Access and Temporary Roads*)
- iii) Sampel dan *Mock-up*
- iv) Pelan Pembinaan (*Construction Plan*)

(14 markah)

b) Senaraikan **tiga (3)** kemudahan peralatan dan fasiliti pejabat tapak yang perlu disediakan oleh kontraktor untuk kemudahan Pegawai Pengguna di tapak bina.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a) Pemasangan dinding bagi sesebuah binaan bangunan memerlukan beberapa bahan lain selain daripada batu bata dan batu blok. Nyatakan kriteria bagi bahan binaan berikut (berdasarkan Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan JKR 2014):

- i) Mortar
- ii) Simen
- iii) Lapisan Kalis Lembap (*Damp Proof Course*)

(9 markah)

**SOALAN 2 (sambungan)**

- b) Mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan JKR 2014, berikan spesifikasi ringkas perkara berikut:
- Dinding batu bata muka (*facing brickwork*)
  - Dinding batu bata (*stonework*)
- (5 markah)
- c) Tuliskan spesifikasi yang bersesuaian bagi jenis sesekat dinding yang berikut:
- Dinding sesekat berbingkai keluli
  - Dinding sesekat berbingkai kayu
- (6 markah)

**SOALAN 3**

- a) Nyatakan Kehendak Am bagi kerja pembetungan mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.
- (5 markah)
- b) Merujuk kepada dokumen yang sama, nyatakan keperluan yang perlu dipatuhi oleh kontraktor bagi kerja pembetungan berikut:
- Penutup dan Bingkai Lurang (*Manhole*)
  - Sistem Rawatan Kumbahan
  - Penyambungan pada paip pembetungan
- (15 markah)

SOALAN 4

- a) Namakan **dua (2)** jenis kemasan genting bumbung yang biasa digunakan dalam pembinaan di negara kita. Berikan tulisan spesifikasi bagi jawapan yang diberi.
- (8 markah)
- b) Nyatakan keperluan am bagi Penebat Haba mengikut Spesifikasi Piawai bagi Kerja Bangunan 2014.
- (2 markah)
- c) Terangkan spesifikasi bagi penebat haba seperti di bawah:
- i) *Glass wool insulation*
  - ii) *Stone wool insulation*
- (6 markah)
- d) Berikan tulisan spesifikasi bagi item kerja bumbung berikut:
- i) *Flashing & Capping*
  - ii) *Sealants*
- (4 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan klasifikasi dan ciri-ciri tumbuhan bagi jenis tanaman berikut:
- i) Pokok
  - ii) Palma
  - iii) Shrub
- (9 markah)

**SOALAN 5 (sambungan)**

- b) Nyatakan dua (2) jenis palma yang biasa terdapat dalam kerja lanskap. Berikan penerangan ringkas terhadap jawapan yang diberikan.

(4 markah)

- c) Nyatakan Kehendak Am bagi keperluan padang bola mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.

(4 markah)

- d) Tuliskan spesifikasi bagi campuran untuk *top soil* mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.

(3 markah)

**SOALAN 6**

- a) Senaraikan lima (5) jenis kelengkapan kebersihan (*sanitary fittings*) yang biasa digunakan dalam pembinaan bangunan klinik kesihatan. Berikan spesifikasi ringkas bagi setiap jawapan yang diberi.

(20 markah)

**SOALAN 7**

- a) Kerja pemasangan *paving* merupakan salah satu kerja lantai yang biasa di buat di bahagian luar bangunan. Tuliskan spesifikasi yang bersesuaian bagi kerja pemasangan *paving* berikut:

- i) Granolitik (*Granolithic paving*)
- ii) Konkrit saling mengunci (*Interlocking concrete paving*)

(8 markah)

**SOALAN 7 (sambungan)**

- a) Terdapat beberapa jenis plaster dalam industri pembinaan di negara kita. Senaraikan **tiga (3)** daripadanya dan berikan spesifikasi untuk **setiap satunya**.

(12 markah)

**SOALAN 8**

- a) Semua reka bentuk, lukisan, pertukangan, rawatan perlindungan, komponen bangunan serta kerja berkaitan dengan Kerja Struktur Keluli Jenis *Hot Rolled* perlu mematuhi Spesifikasi Kerja Keluli No.JKR 20601-0191-12 atau edisi terkini yang dikeluarkan oleh JKR.

- i) Senaraikan **tiga (3)** keperluan lukisan yang perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengguna (SO) bagi kerja struktur keluli di atas mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.

(3 markah)

- ii) Nyatakan **lima (5)** dokumen dan rekod yang perlu dikemukakan oleh kontraktor kepada Pegawai Pengguna (SO) bagi kerja struktur keluli di atas mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.

(5 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi bagi kerja Kerangka Logam bagi pintu dan tingkap berikut mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014:

- i) Kerangka Keluli (*Steel Frames*)  
ii) Kerangka Aluminium (*Aluminium Frames*)  
iii) Kerangka Tingkap Ram Boleh Laras (*Frames for Adjustable Louvre Windows*)

(12 markah)

SOALAN 9

Penggalian dan kerja tanah perlu dilaksanakan mengikut arahan seperti yang diluluskan oleh Pegawai Pengguna (S.O). Kontraktor perlu bertanggungjawab melaksanakan kerja tanah mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

- a) Berikan maksud atau definisi bagi perkara-perkara berikut:

- i) Pembersihan Tapak (*Site Clearing*)
- ii) Pengupasan Tanah Lapisan Atas (*Stripping Topsoil*)
- iii) Bahan Keras (*Hard Material*)
- iv) Dimensi Tolerens (*Dimensional Tolerances*)

(8 markah)

- b) Melindungi dan menyenggara cerun sangat penting bagi mengawal daripada berlakunya hakisan tanah. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk melindungi cerun dan mengelakkan berlakunya hakisan tanah atau tanah runtuh. Nyatakan arahan-arahan yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dalam menyiapkan kerja perlindungan dan penyenggaraan bagi mengawal hakisan tanah seperti berikut:

- i) Pemberian hidro (*hydroseeding*)
- ii) Tanaman menjalar (*creepers*)

(12 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan Kehendak Am bagi Pemasangan Siling mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014.

(5 markah)

- b) Berikan empat (4) jenis siling yang biasa terdapat dalam industri mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Bangunan 2014. Berikan penerangan ringkas pada jawapan yang diberi.

(12 markah)

**SOALAN 10 (sambungan)**

- c) Senaraikan tiga (3) jaminan (*warranty*) bagi kerja siling yang perlu dikemukakan oleh Kontraktor kepada Pegawai Penguasa selepas kerja siap.

(3 markah)

\*\*\*\*\*